


→ EKSklusif

Fakta
nombor1,688
NOTISbahaya dikeluarkan kepada
47 flet, pangsapuri dan
kondominium seluruh nega

Seorang penduduk (kiri) menunjukkan ketiadaan alat pemadam api di tingkat 13 Perumahan Awam Seri Kelantan, Sentul.



Hos pemadam api yang tidak diselenggara di Pangsapuri Kerinchi, Kuala Lumpur.



Bom jangka 'Grenfell Tower' Malaysia

→ 47 pangsapuri, kondominium, termasuk 40 di Lembah Klang terdedah risiko kebakaran

Oleh Syed Azwan Syed Ali
syedazwan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Seurang-kurangnya 47 bangunan kediaman tinggi di seluruh negara, termasuk 40 pangsapuri dan kondominium di Lembah Klang, diibaratkan 'bom jangka' yang boleh membahayakan nyawa penghuninya kerana dikategorikan risiko tinggi kebakaran.

Semua bangunan ini didapati sama ada tidak mempunyai peralatan pemadam api, sistem pancur basah tidak berfungsi, tidak diselenggara, pintu rintangan terhalang atau sistem penggera rosak.

Jumlah itu berdasarkan 1,688 notis bahaya kebakaran yang dikeluarkan Jabatan Bomba dan Penyelamat dari Januari hingga Mei tahun ini di seluruh negara.

Lebih menyedihkan ada enam pangsapuri dan kondominium di Lembah Klang yang menerima lebih 100 notis amaran daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat, termasuk sebuah pangsapuri di Pantai Dalam di sini, yang menerima 224 notis bahaya risiko kebakaran.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim, berkata Malaysia secara puratanya merekodkan lebih 5,000 insiden kebakaran setiap tahun.

Katanya, sebanyak 2,904 kes kebakaran direkodkan dari Januari sehingga Jun lalu dengan kira-kira 10 peratus atau 282 kes memabatkan kebakaran bangunan kediaman tinggi seperti flet/pangsapuri (168) dan kondominium (114).

Kes kebakaran membimbangkan

"Saya melihat kes kebakaran memabatkan bangunan kediaman tinggi di negara ini amat membimbangkan dan tidak mustahil insiden kebakaran di Grenfell Tower, London, baru-baru ini yang mengorbankan lebih 80 penghuni boleh berlaku di negara ini.

"Pemeriksaan bomba mendapati kebanyakan kes disebabkan sikap penghuni dan pihak pengurusan bangunan yang tidak memastikan semua kelengkapan kebakaran diselenggara dan berfungsi untuk menghadapi sebarang kecemasan.

"Flet, pangsapuri dan kondominium ini mempunyai risiko kebakaran yang tinggi dan boleh diibaratkan seperti bom jangka," katanya kepada BH, di sini.

Wan Mohd Nor berkata, penghuni bangunan tinggi harus menjadikan tragedi Grenfell Tower sebagai iktibar.

Katanya, kebanyakan kes kematian dalam bangunan tinggi di negara ini disebabkan pemasangan jeriji dan halangan pada pintu rintangan api, menyebabkan mangsa terperangkap.

Tinjauan BH di beberapa bangu-

nan kediaman tinggi di Lembah Klang, termasuk Pangsapuri Kerinchi, Lembah Pantai dan Perumahan Awam Seri Kelantan, Sentul mendapati peralatan pemadam api tidak diselenggara.

Malah, wartawan BH mendapati banyak alat pemadam kebakaran, misalnya di tingkat 10, 11 dan 12 di Pangsapuri Kerinchi, hilang, yang mendedahkan penghuni bangunan itu jika berlaku kebakaran.

Pengerusi Badan Pengurusan Bersama (JMB) pangsapuri itu, Haris Baba, 63, mendakwa kebanyakan alat pemadam api itu dicuri, selain masalah vandalisme.

Sistem pancur basah tidak berfungsi

Tinjauan di Perumahan Awam Seri Kelantan yang pernah terbakar tahun lalu mendapati sistem pancur basah di tingkat 14 tidak berfungsi dengan baik, terutama masalah tekanan air rendah, selain tidak mempunyai alat pemadam api di tingkat 13 dan tingkat bawah.

Di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pantai Permai mendapati tempat simpanan hos pancur basah dikunci, bagaimanapun wakil JMB projek perumahan rakyat itu mendakwa hos disimpan di pejabat dan pos pengawal bagi mengelakkan kecurian.

Rekod Jabatan Bomba dan Penyelamat menunjukkan 182 kematian dan 713 cedera dalam kebakaran bangunan, termasuk bangunan tinggi sejak 18 bulan lalu.

Baru-baru ini, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar meminta negeri yang belum menggunakan pakai Undang-Undang Kecil

Bangunan Seragam 1984 (Pindaan 2012) segera berbuat demikian bagi mengelakkan insiden kebakaran di Grenfell Tower berlaku di negara ini.

Ketika ini, hanya empat negeri, iaitu Sabah, Selangor, Terengganu dan Pulau Pinang mewartakan pindaan undang-undang kecil itu yang diluluskan lima tahun lalu, manakala Sarawak pula mempunyai ordinan bangunannya sendiri bagi memastikan keselamatan penghuni terjamin.

Kronologi

Kronologi kebakaran bangunan kediaman tinggi

13 Jun 2017 → Sebuah unit kediaman di tingkat sembilan Rumah Pangsa Larkin, Johor Bahru, musnah dalam kebakaran.

4 April 2017 → Tiga unit rumah di blok A, Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerinchi di Jalan Pantai Permai, Kuala Lumpur, terbakar, berpunca daripada gas dapur memasak.

22 November 2015 → Seorang warga tua terperangkap dalam rumahnya apabila kediaman jirannya di Pangsapuri Siantan, Melaka, terbakar.

3 September 2014 → Sebuah rumah pangsa di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, musnah dalam kebakaran.

31 Oktober 2013 → Enam unit diaman di tingkat 17 sebuah rumah pangsa dekat Kampung Kerinchi musnah dalam kebakaran diperakibatkan litar pintas.

12 Mei 2013 → Tindakan pantaran mengejutkan dua beradik perempuan yang sedang tidur menyelim mereka daripada menjadi mangsa kebakaran di tingkat 14, Blok Kuarters Kerajaan, Jalan Dutamas, Kuala Lumpur.

5 April 2008 → Lima unit kediaman di tingkat lapan, Pangsapuri Tan Bunga Negara, Seksyen 27, Shah Alam, Selangor musnah dalam kebakaran akibat disambar petir.

14 Januari 2001 → Lima beran terbunuh selepas terperangkap dalam kebakaran di sebuah rumah tingkat 15 Blok C, Flet Sri Kelantan Sentul.